

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JULY 2017

## Saari hormati keputusan majoriti tolak Tun M

**KUALA LUMPUR 25 Julai** - Bekas Pengerusi Otai Reformis, Saari Sungib menjelaskan tindakannya melepaskan jawatan yang disandang sejak dua tahun lalu disebabkan menghormati keputusan majoriti ahlinya yang menolak politik membabitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Saari yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang berkata, beliau akan terus menyokong usaha dan perjuangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu untuk membebaskan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta membantu Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Malah, beliau yang juga Timbalan Pengerusi Parti Amanah Negara Selangor berharap ahli-ahli di dalam Otai Reformis da-

pat menghormati pemimpin-pemimpin di dalam Pakatan Harapan walaupun mempunyai sentimen yang pelbagai.

“Saya hanya menurut mood majoriti dan langsung tidak ada masalah atau berkecil hati. Ramai yang tidak suka Dr. Mahathir dan saya juga mempunyai had diri selain mempunyai pandangan peribadi berhubung pelantikannya (Dr. Mahathir) sebagai Pengerusi Pakatan Harapan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Otai Reformis dalam mesyuarat pertubuhan yang diadakan malam kelmarin menolak kepemimpinan Dr. Mahathir di peringkat gabungan pembangkang atau sebagai menteri atau penasihat kerajaan sekira-

nya Pakatan Harapan mentadbir kerajaan.

Ahli-ahli Otai Reformis menuntut Pakatan Harapan untuk memasukkan dalam manifesto PRU-14 iaitu penubuhan Suruhanjaya Keamanan dan Keadilan bagi mengadili segala tuduhan ke atas Dr. Mahathir.

Pihaknya bersetuju agar mana-mana ahli Otai Reformis yang mempunyai jawatan dalam mana-mana parti Pakatan Harapan untuk melepaskan jawatan yang disandang dalam gerakan Otai Reformis.

Ditanya sama ada beliau turut bercadang meletak jawatan sebagai ADUN Hulu Kelang, Saari menegaskan, peletakan jawatannya dalam Otai Reformasi tidak mempunyai kaitan dengan jawatan politik yang disandangnya kini.



**SAARI SUNGIB**

UM - 26/7/2017 ps. 13